

13/09/1997

Pelan Mahathir bantu Kyrgyz

Zam Zam Omar in Bishkek

BISHKEK, Jumaat - Malaysia dan Republik Kyrgyz bersetuju mewujudkan satu suruhanjaya bersama membabitkan pegawai kanan kedua-dua negara, bertanggungjawab melaksanakan Laporan Bersama Ekonomi Kyrgyz, yang dinamakan Pelan Mahathir.

Penubuhan suruhanjaya khas itu dipersetujui dalam rundingan dua hala di antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Kyrgyz, Askar Akayev, di sini hari tadi.

Dalam sidang akhbar bersama dengan Akaye, Perdana Menteri berkata kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan jawatankuasa khas itu bagi memastikan semua 11 bidang utama yang digariskan dalam laporan berkenaan dapat dilaksanakan.

Selain itu, kedua-dua pihak juga bersetuju supaya Kyrgyz mewujudkan satu dana bagi bagi melaksanakan pelan ekonomi berkenaan.

Dalam hubungan ini, Kyrgyz mahu mendapatkan bantuan Malaysia mengenai cara mana untuk mendapatkan tabungan serta pengendaliannya.

Mengenai pengumuman Akayev menamakan laporan itu sebagai Pelan Mahathir, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak fikir saya layak dinamakan bagi pelan berkenaan, tetapi yang pastinya ia adalah satu tanggungjawab berat untuk memastikan perlaksanaan pelan itu berjalan lancar.

"Kita mempunyai pengalaman dalam membangunkan negara (Malaysia) dan kerana itu, kita fikir ia boleh digunakan oleh Kyrgyz untuk pembangunannya.

"Sudah pasti, tidak semua pengalaman kita sesuai dan relevan. Tetapi kita bersedia mengubahsuaikan pendekatan yang kami gunakan untuk membangunkan Malaysia bagi memastikan ia mengikut keperluan Kyrgyz.

"Untuk melakukannya, kita perlu terus terbabit dalam perlaksanaan pelan berkenaan dan kerana itu, kita mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa khas membabitkan pegawai kedua negara bagi mengawasi perlaksanaannya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, ada perkara yang digariskan boleh dilaksanakan segera sementara yang lain memerlukan masa dan untuk itu pihak terbabit perlu sabar dan terus berusaha bagi mendapatkan hasil positif.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata Kyrgyz menjadi pilihan Malaysia untuk diberikan bantuan di kalangan negara bekas Soviet kerana selain saiznya yang kecil, republik itu dilihat sebagai istimewa dan rapat dengan Malaysia.

Beliau yang menyifatkan Akayev sebagai rakan peribadinya berkata, atas sebab itu Malaysia mahu bekerjasama dengan Kyrgyz dan penduduknya dalam usaha merealisasikan sepenuhnya potensi yang ada di republik yang indah ini.

Dr Mahathir berkata, secara peribadi dan juga bagi pihak kerajaan, beliau memberi sokongan penuh kepada usaha membantu menyediakan perancangan untuk republik itu dan turut berharap usaha beliau terus mendapat sokongan Akayev.

Laporan berkenaan yang disediakan pegawai kanan kedua-dua negara, adalah bantuan Malaysia dalam menyediakan perancangan ekonomi republik itu, berdasarkan pengalaman Malaysia.

Kajian berkenaan yang disediakan selepas satu pasukan pegawai Malaysia melawat republik itu bagi memulakan perbincangan dan memungut data untuk dianalisis, sehingga draf laporan siap Mac lalu bagi diulas oleh pegawai Kyrgyz.

Laporan itu juga diterjemahkan ke bahasa Rusia bagi membolehkan ia digunakan pada semua peringkat dalam kerajaan Kyrgyz.

"Kita tidak mendakwa kajian (laporan ekonomi) ini mempunyai semua jawapan kepada pertanyaan dan persoalan anda. Apa yang ada ialah mengenai pengalaman pembangunan di Malaysia yang kita mahu berkongsi dengan anda.

"Kajian ini menyediakan analisis berhubung 11 sektor yang dikenal pasti yang dilihat memerlukan perhatian utama. Pendekatan yang digunakan ialah dengan memaksimumkan penggunaan sumber yang terhad bagi memastikan pembangunan sesuatu sektor itu akan turut membantu pembangunan sektor yang lain," kata Dr Mahathir ketika berucap di majlis penyerahan itu.

Menurut Perdana Menteri, kajian berkenaan adalah menyeluruh tetapi untuk dimaksimumkan potensinya, ia juga memerlukan perubahan pemikiran dan sikap ke arah cabaran yang dihadapi.

Dalam hubungan ini, perubahan untuk bertindak segera adalah perlu, berfikiran terbuka kepada cara baru dan yang lebih baik untuk melakukan sesuatu serta mahu mencuba idea baru.

(END)